



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
ARKIB NEGARA MALAYSIA**

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**SAMBUTAN ANAK MERDEKA 2025 BERSEMPENA HARI
KEBANGSAAN KE-68**

**31 OGOS 2025 (AHAD)
3.00 PETANG**

**PAVILION ARENA,
PAVILION DAMANSARA HEIGHTS, KUALA LUMPUR**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan,

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

SALUTASI

**Salutasi terkini akan dikemukakan kemudian*

PENDAHULUAN

1. Saya amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini untuk meraikan **Sambutan Anak Merdeka 2025 anjuran Arkib Negara Malaysia**, bersempena dengan **Hari Kebangsaan ke-68**.
2. Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **Selamat Hari Lahir** kepada semua yang meraikannya. Semoga dikurniakan kesihatan yang baik, umur yang panjang, serta kebahagiaan yang berpanjangan bersama keluarga tercinta.

3. Sesungguhnya, tuan-tuan dan puan-puan adalah insan yang istimewa dan bertuah kerana dapat menyambut ulang tahun kelahiran serentak dengan **Sambutan Hari Kemerdekaan negara**. Lebih istimewa lagi, sambutan ini diraikan bersama-sama dalam satu keluarga besar Malaysia yang berbilang kaum, tanpa mengira usia, latar belakang mahupun kedudukan. Inilah cerminan **semangat perpaduan** yang menjadi asas kekuatan negara kita.

MALAYSIA MADANI: RAKYAT DISANTUNI

Hadirin yang diraikan sekalian,

4. Hari ini genaplah **68 tahun kemerdekaan negara**, satu pencapaian besar hasil daripada perjuangan panjang dan penuh liku oleh generasi terdahulu. Kemerdekaan bukanlah suatu yang datang bergolek, tetapi dicapai melalui pengorbanan jiwa, raga dan masa depan oleh pejuang tanah air yang berani bangkit menuntut kebebasan.

5. Dalam lipatan sejarah, kita melihat bagaimana tokoh-tokoh pengasas negara **Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Tan Cheng Lock, Tun V.T. Sambanthan** dan ramai lagi telah **mengetepikan kepentingan peribadi serta perbezaan kaum dan agama untuk mencari titik persamaan** demi membina

sebuah negara yang berdaulat. Perundingan meja bulat, semangat kebersamaan dan sikap saling percaya inilah yang menjadi asas kepada kelahiran sebuah negara bangsa yang merdeka.

6. Aspirasi para pemimpin pengasas ini jelas, mereka percaya bahawa hanya melalui **perpaduan dan kerjasama** rakyat berbilang kaum, Malaysia dapat berdiri teguh di pentas dunia. Warisan nilai inilah yang harus terus kita hayati, kerana tanpa semangat persaudaraan tersebut, mustahil kita mampu mempertahankan kemerdekaan yang kita kecapi hari ini.

7. Setiap kali kita meraikan Hari Kebangsaan, kita sebenarnya sedang memperbaharui janji kepada *founding fathers* negara ini. **Janji bahawa kita akan terus menjaga keutuhan negara, memperkukuh semangat muhibah, serta mengelakkan sebarang bentuk perpecahan yang boleh melemahkan asas pembinaan negara bangsa.**

8. Dalam kerangka **Malaysia Madani**, semangat kemerdekaan ini terus diterjemahkan melalui **nilai kemampanan, kesejahteraan, hormat, keyakinan, daya cipta dan ihsan**. Nilai-nilai inilah yang menjadi jambatan antara perjuangan generasi terdahulu dengan aspirasi generasi masa kini dan akan

datang. Ia menjadi pedoman agar Malaysia terus bergerak maju sebagai sebuah negara yang progresif, inklusif, dan makmur.

9. Tema Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun 2025 ialah **“Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni”**. Tema ini menzahirkan keprihatinan kerajaan dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan.
10. Frasa **“Rakyat Disantuni”** membawa makna mendalam bahawa setiap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, agama, usia atau kedudukan adalah sebahagian daripada keluarga besar Malaysia yang mesti dihargai dan dibela. Tiada sesiapa yang wajar dipinggirkan daripada arus pembangunan negara.
11. Justeru, saya menyeru seluruh rakyat untuk menghayati tema ini dengan sepenuh jiwa. **Marilah kita bersama-sama memupuk sikap saling menyantuni, menghormati dan menyokong antara satu sama lain.** Dengan semangat ini, kita bukan sahaja memperkukuh asas perpaduan, malah mampu membina sebuah negara yang benar-benar adil, makmur dan

inklusif, sebagaimana yang diimpikan oleh generasi pengasas kemerdekaan kita dahulu.

JALUR GEMILANG LAMBANG NEGARA

Hadirin yang dikasihi sekalian,

12. **Jalur Gemilang yang berkibar bukan sekadar lambang kedaulatan, tetapi juga lambang harapan, cita-cita dan kesatuan seluruh rakyat Malaysia.** Setiap warna, jalur dan lambang yang tertera padanya membawa makna mendalam tentang perjuangan, perpaduan dan identiti bangsa.
13. Namun begitu, kita masih menyaksikan beberapa insiden di mana Jalur Gemilang dipasang secara terbalik atau digunakan secara tidak wajar. Oleh itu, saya menyeru agar semua pihak lebih peka, berhati-hati dan bertanggungjawab dalam mengibarkan bendera negara kita.
14. Dalam masa yang sama, **kita harus membuang mentaliti bahawa Jalur Gemilang hanya perlu dikibarkan pada bulan kebangsaan semata-mata.** Hakikatnya, semangat patriotisme tidak mengenal masa.

15. Oleh itu, **Kementerian Perpaduan Negara akan memperluaskan program sedia ada iaitu Malaysiaku Merdeka**, yang memberi fokus kepada aktiviti pengibaran Jalur Gemilang sepanjang tahun bermula Januari hingga Disember. Melalui pelaksanaan di peringkat akar umbi seperti Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Kelab Rukun Negara (KRN) dan Sekretariat Rukun Negara (SRN), kita mahu memastikan semangat cintakan negara terus subur dalam jiwa rakyat Malaysia tanpa mengira bulan atau musim.

16. Mengibarkan Jalur Gemilang dengan penuh rasa hormat adalah satu bentuk manifestasi patriotisme. Ia tanda bahawa kita menghargai pengorbanan generasi terdahulu yang telah berjuang untuk kemerdekaan, serta tanda kesetiaan kita terhadap tanah air tercinta. **Marilah kita jadikan amalan mengibarkan Jalur Gemilang dengan betul, teratur dan bermaruah sebagai satu budaya nasional yang diwarisi dari generasi ke generasi.**

PENUTUP

Hadirin yang diraikan sekalian,

17. Saya juga ingin merakamkan setinggi – tinggi tahniah dan penghargaan kepada **Arkib Negara Malaysia, Pavilion Damansara Heights, Kuala Lumpur**, dan semua rakan kerjasama strategik, sama ada terlibat secara langsung atau tidak langsung, kerana berjaya menganjurkan program ini.

18. Usaha murni ini bertepatan untuk menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025 dalam semangat perpaduan **Malaysia MADANI**. Semoga kerjasama sebegini dapat diteruskan untuk program dan aktiviti yang lain pada masa akan datang.

19. Akhir kata, dengan sukacitanya saya menyempurnakan penutupan **Sambutan Anak Merdeka 2025 bersempena Hari Kebangsaan Ke-68**.

Merdeka! Merdeka! Merdeka!